

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 17 April 2017

SOALAN

Datuk Koh Chin Han minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :- (a) bagaimanakah Kementerian merancang untuk menggalakkan pembukaan lebih banyak taska berdaftar di seluruh Malaysia; dan; (b) adakah Kementerian merancang untuk mewajibkan pemasangan CCTV di setiap taska untuk mengelakkan kes-kes penderaan kanak-kanak di pusat-pusat tersebut.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam menggalakkan pembukaan lebih banyak TASKA berdaftar di seluruh Malaysia. Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha dan inisiatif bagi menggalakkan TASKA berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Antaranya adalah: (i) Mengadakan program advokasi seperti program Jom Daftar bagi setiap negeri untuk memastikan TASKA berdaftar dan ini dapat mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak di TASKA. (ii) Mengadakan subsidi yuran pengasuhan TASKA Institusi dan TASKA Di Rumah yang berdaftar kepada keluarga yang layak mengikut pendapatan perkapita keluarga berdasarkan kawasan, bandaraya sebanyak RM500.00, kawasan bandar RM400.00 dan luar bandar RM300.00. Jumlah subsidi bagi seorang kanak-kanak RM250.00 sebulan. (iii) Mengadakan subsidi yuran pengasuhan kepada TASKA Di Tempat Kerja awam yang berdaftar mengikut pendapatan keluarga RM5,000.00 ke bawah sebanyak RM180.00 sebulan. (iv) Mengadakan subsidi yuran pengasuhan kepada TASKA Komuniti yang berdaftar mengikut pendapatan keluarga RM5,000.00 ke bawah sebanyak RM180.00 sebulan. (v) Pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi ibu bapa yang menghantar anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke pusat asuhan kanak-kanak dan pra-sekolah, ia telah diumumkan pada masa Bajet 2017. Tuan Yang Dipertua, Pemasangan CCTV telah diwajibkan kepada semua TASKA yang berdaftar mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bil 1/2015. Tujuan pemasangan ini adalah sebagai usaha untuk meningkatkan keselamatan kanak-kanak terutama dari aspek pengabaian dan penderaan, memberi kemudahan kepada pihak TASKA bagi memastikan aktiviti yang dijalankan oleh pengasuh mengikut jadual yang dirancang dan sebagai bukti samada sesuatu kejadian yang tidak diingini kepada kanak-kanak berlaku dalam TASKA atau sebaliknya. Sebagai kesimpulan, Kerajaan amat menggalakkan penubuhan TASKA bagi memenuhi keperluan pengasuhan dan didikan awal kanak-kanak diperingkat usia di bawah empat (4) tahun. Ia bagi menjamin semua kanak-kanak menerima keperluan perkembangan menyeluruh mengikut tahap umur dan kebolehan kanak-kanak. Disamping itu Kerajaan juga telah mewajibkan pemasangan CCTV bagi semua TASKA bagi meningkatkan keselamatan kanak-kanak.

